

# DELTACARBON TABLET<sup>®</sup>

Activated Charcoal (250mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Deltacarbon
2. Bagaimana Deltacarbon berfungsi
3. Sebelum menggunakan Deltacarbon
4. Cara menggunakan Deltacarbon
5. Semasa menggunakan Deltacarbon
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Deltacarbon
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Deltacarbon

Deltacarbon digunakan untuk:

- Keracunan akut (pendedahan pada racun dalam satu masa atau dalam masa yang singkat)
  - Dengan menghalang penyerapan bahan-bahan beracun yang dimakan secara oral dan mempercepatkan penyingkiran bahan-bahan tersebut.
- Cirit-birit akut (mula secara tiba-tiba dan berlanjutan kurang daripada empat minggu)

## Bagaimana Deltacarbon berfungsi

Ubat arang merupakan bahan penyerap berkesan bagi pelbagai ubat-ubatan dan bahan kimia dan dengan itu mengurangkan penyerapan pengguna dari saluran gastrousus (GI). Saiz partikel ubat arang yang sangat kecil itu meningkatkan jumlah luas permukaan dan kapasiti penyerapan.

## Sebelum menggunakan Deltacarbon

### - Bila tidak boleh menggunakan

- Pesakit dengan ketiadaan bunyi dalam usus
- Pesakit dengan perforasi pada GI (lubang terbentuk sepanjang perut, usus besar atau usus kecil)
- Pesakit dengan penghalangan usus (usus tersumbat yang menghalang kandungan dalam usus daripada melepasi)
- Pesakit yang baru menjalani pembedahan
- Pesakit dengan risikoendarahan GI
- Pesakit dengan cirit-birit febril (mengalami atau menunjukkan symptom demam)
- Mempunyai alahan terhadap bahan lain dalam Deltacarbon

### - Sebelum mula menggunakan Deltacarbon

Maklumkan kepada doktor anda:

- Jika anda mempunyai cirit-birit berpanjangan (selama sekurang-kurangnya 4 minggu)
  - Jika umur anda kurang daripada 6 tahun
  - Jika anda mempunyai keracunan yang disebabkan oleh bahan menghakis atau petroleum
  - Jika anda keracunan dengan bahan seperti litium, talium, sianida, garam besi, metanol, etanol, dan *ethylene glycol*.
- Air dan terapi eletrolit yang bersesuaian perlu diberi untuk melindungi daripada berlakunya dehidrasi.

Sekiranya anda tidak pasti sama ada anda perlu mula mengambil produk ini, dapatkan keterangan lanjut daripada doktor anda.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Pengambilan ubat arang dengan ubat-ubatan lain secara serentak akan mengurangkan keberkesanan ubat-ubatan ini.

### Semasa mengandung dan menyusu bayi

Walaupun tiada laporan mengenai masalah kecacatan kelahiran atau menyusu, risiko pada janin dan bayi masih tidak dapat dikenalpasti. Dapatkan nasihat yang lanjut daripada doktor anda.

## Cara menggunakan Deltacarbon

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda,

Tablet ini perlu diambil secara oral. Ia boleh diambil secara keseluruhan atau boleh dihancurkan menjadi serbuk dan diambil dengan cecair sebagai buburan.

### - Berapa banyak harus digunakan

#### Keracunan akut

Ringkasan dos yang disyorkan:

Umur atau berat badan (kg)	Dos
Dewasa dan remaja atau >60kg berat badan	120-240 tablet Deltacarbon
Kanak-kanak 10-12 tahun atau >30kg	90-120 tablet Deltacarbon

berat badan	
Kanak-kanak 6-9 tahun atau >20kg berat badan	60-80 tablet Deltacarbon
Kanak-kanak 3-5 tahun atau >15kg berat badan	45-60 tablet Deltacarbon
Kanak-kanak 1-2 tahun atau >10kg berat badan	30-40 tablet Deltacarbon

Dos tinggi sebanyak 0.5-1g/kg berat badan perlu diberi bagi kes keracunan akut.

- Dewasa: Deltacarbon 2-4 tablet/kg berat badan
- Kanak-kanak: Deltacarbon 3-4 tablet/kg berat badan

### Cirit-birit

- Deltacarbon 2-4 tablet diberi 3-4 kali sehari
- Separuh daripada dos ini disyorkan untuk kanak-kanak

### - Bila perlu digunakan

#### Keracunan akut

Untuk memperoleh manfaat yang maksimum, Deltacarbon perlu diambil dalam tempoh satu jam selepas pengambilan bahan keracunan. Ambil tablet yang telah dihancurkan dengan cecair sebagai buburan/larutan.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda

mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan sembelit, sakit atau perut bengkak. Walau bagaimanapun, terdapat kes apendiks akut yang jarang dilaporkan dalam kalangan pesakit yang diberi berbilang dos ubat arang.

### Semasa menggunakan Deltacarbon

#### - Perkara yang perlu dilakukan

- Patuhi arahan doktor atau ahli farmasi anda ketika menggunakan Deltacarbon. Jika anda tidak pasti, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.
- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain termasuk ubat yang diambil tanpa preskripsi seperti suplemen atau ubat tradisional.
- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda dengan segera sekiranya anda perasan sebarang kesan sampingan atau kesan sampingan menjadi serius atau apa-apa yang menyebabkan anda berasa tidak sihat.
- Jika anda hamil atau merancang untuk hamil semasa menggunakan Deltacarbon, maklumkan kepada doktor anda.
- Jika anda merancang untuk mengambil ubat baru, ingatkan doktor dan ahli farmasi anda yang anda sedang mengambil Deltacarbon.

#### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan mengambil Deltacarbon selepas tarikh luput yang dinyatakan pada strip dan kotak tersebut.

#### - Perkara yang perlu diberi perhatian

- Memandu dan menggunakan mesin: Deltacarbon tidak menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan mesin.

### Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat lain, Deltacarbon mungkin mengakibatkan kesan sampingan kepada pesakit tetapi bukan semua orang akan mengalaminya.

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda mempunyai simptom seperti:

- Sembelit, sakit atau perut bengkak dan najis bertukar hitam
- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika terdapat kesan sampingan lain yang tidak dinyatakan di sini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adwers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*)

### Cara penyimpanan dan pelupusan Deltacarbon

#### - Penyimpanan

Simpan di tempat sejuk dan kering di bawah suhu 30°C. Simpan dalam bungkusan asal untuk melindungi daripada cahaya.

Jauhi daripada kanak-kanak.

#### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

### Maklumat lanjut

#### - Rupa dan warna produk

Deltacarbon adalah tablet bulat hitam dengan garis pemisah pada satu permukaan.

#### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif  
Setiap tablet mengandungi 250mg *Activated charcoal*.

- Bahan tidak aktif  
*Microcrystalline cellulose, propylene glycol, pregelatinized starch, croscarmellose sodium, propyl paraben, purified water, povidone (K-90), methyl paraben, colloidal silicon dioxide, isopropyl alcohol, magnesium stearate, sucrose.*

#### - Nombor MAL

MAL08082429XZ

### Pengilang

Sriprasit Pharma Co. Ltd.  
216 Moo 6, Suanlung,  
Krathum Baen, Samut Sakhon,  
74110 Thailand.

### Pemegang Pendaftaran Produk

IMEKS Pharma Sdn. Bhd.  
No. 5 & 9, Jalan Udang Harimau 2,  
Medan Niaga Kepong,  
51200 Kuala Lumpur, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**  
16/10/2017

**Nombor siri**  
NPRA(R4/1)080817/00195